

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL
AZIZ
(RAUB)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.05.2016

Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [RAUB] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- a. siapakah yang memberi kuasa kepada Shahrol Azral menukar bank untuk Syarikat JV 1MDB dan Petrosaudi; dan
- b. siapakah yang memberi kuasa kepada Shahrol Azral menghantar wang kepada Syarikat Good Star Ltd.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Huraian dan jawapan terperinci mengenai perkara ini telah pun

diberikan dan boleh dirujuk di dalam Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara ("PAC").

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berdasarkan polisi urus tadbir 1MDB, segala tindakan pihak pengurusan adalah mengikut kelulusan atau arahan Lembaga Pengarah sama ada secara am, khusus atau secara *ratification* (dengan izin).